



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 34
Bil. 20

27hb September 1990

TAMBAHAN No. 6
PERUNDANGAN

Pg. P.U. 8.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL HAIWAN MERAYAU (MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI) 1990

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 73 (a) (iii), 73 (v), seksyen 73 (m) dan seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Perbandaran Seberang Perai membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

Akta 171.

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Kecil Haiwan Merayau (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1990** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai dan mula berkuatkuasa pada tarikh disiarkan di dalam *Warta Kerajaan*.

Nama,
pemakaian
dan mula ber-
kuatkuasa.

2. Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain:

Tafsiran.

“haiwan” termasuklah kuda, lembu, sapi, kerbau, kambing biri-biri, kambing dan babi;

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Seberang Perai;

“pegawai” ertinya mana-mana pegawai yang diberikuasa oleh Yang Dipertua;

“pemunya” ertinya orang yang memiliki, menjaga atau mengawal haiwan itu, tetapi jika sekiranya terdapat keraguan tentang kepemunyaan seseekor haiwan, pemunya atau penduduk premis yang sering didatangi oleh haiwan itu atau seseorang yang biasanya

memberi makan haiwan itu hendaklah disifatkan sebagai pemunya sehingga dibuktikan sebaliknya oleh pemunya, penduduk atau orang itu;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha Majlis Perbandaran Seberang Perai;

“tempat awam” termasuklah tiap-tiap jalanraya awam, lebuhraya, jalan, jambatan, medan, lorong-lorong, jalan namkaki, siarkaki, dermaga, jeti, pengkalan, sungai, anak sungai, terusan, parit taliair, taman awam dan tanah yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan atau badan berkanun;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Kesalahan.

3. Seseorang yang sebagai pemunya atau penjaga haiwan membiarkan atau menyebabkan haiwan kepunyaannya atau di bawah jagaannya merayau-rayau atau berada di mana-mana tempat awam adalah melakukan suatu kesalahan di bawah undang-undang kecil ini.

Kuasa menangkap, memarah, menembak dan menyembelih.

4. (1) Mana-mana haiwan yang didapati merayau-rayau atau berada di mana-mana tempat awam boleh ditangkap oleh Yang Dipertua atau Setiausaha atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua dan dibawa ke paun Majlis atau ke suatu tempat yang ditetapkan oleh Yang Dipertua untuk ditahan.

(2) Sekiranya haiwan itu merbahaya dan tidak boleh ditangkap ia boleh ditembak dan disembelih atau dihapuskan dan sembelihan atau bangkai itu hendaklah dilupuskan mengikut cara yang ditetapkan oleh Yang Dipertua atau Setiausaha.

Pelupusan haiwan.

5. Mana-mana haiwan yang ditahan di bawah undang-undang kecil 4, undang-undang kecil ini boleh dilupuskan mengikut cara yang ditetapkan oleh Yang Dipertua atau Setiausaha:

(a) atas sebab-sebab kesihatan;

(b) jika penahanannya menyusahkan;

(c) jika belanja menjaganya terlalu tinggi; atau

(d) jika pemunya atau penjaganya tidak diketahui;

Dengan syarat, pelupusan di bawah perenggan (b), (c) dan (d) hanya boleh dilakukan selepas tiga (3) hari daripada tarikh haiwan itu ditangkap.

Kuasa untuk mengkompaun.

6. (1) Yang Dipertua atau Setiausaha atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua boleh membenarkan kompaun kesalahan di bawah peruntukan undang-undang kecil 4 ini.

(2) Bayaran kompaun adalah seperti berikut:

(a) bagi seekor haiwan selain daripada kambing atau kambing biri-biri, tidak melebihi dua ratus lima puluh ringgit dan bayaran penyelenggaraan yang akan ditentukan oleh Yang Dipertua;

(b) bagi seekor kambing atau kambing biri-biri tidak melebihi dua puluh lima ringgit seekor dan bayaran penyelenggaraan yang akan ditentukan oleh Yang Dipertua.

7. Tiadalah apa-apa pampasan kena dibayar bagi apa-apa **Pampasan.**
kerugian kerana kecederaan, kematian atau lainnya mana-mana
haiwan yang ditangkap, ditahan, ditembak, disembelih atau di-
lupuskan di bawah mana-mana peruntukan undang-undang kecil
ini.

8. (1) Sesiapa yang melakukan kesalahan di bawah undang-undang **Penalti.**
kecil 3, Undang-undang Kecil ini, boleh jika disabitkan kesalahannya,
dihukum denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau
penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-
duanya sekali iaitu denda dan penjara.

(2) Sebagai tambahan kepada penalti yang tersebut dalam
perenggan (1), Undang-undang Kecil ini, Mahkamah hendaklah
memerintahkan orang yang disabitkan itu membayar kepada
Majlis:

(a) bagi tiap-tiap seekor haiwan, selain daripada kambing dan
kambing biri-biri, dua puluh lima ringgit sehari bagi
tempoh ianya ditahan;

(b) bagi tiap-tiap seekor kambing atau kambing biri-biri, se-
puluh ringgit sehari bagi tempoh ianya ditahan.

(3) Bayaran yang dikenakan di bawah perenggan (2) Undang-
undang Kecil ini bolehlah ditolak daripada hasil yang disimpan
oleh Majlis atau sekiranya haiwan itu masih berada dalam tahanan
Majlis, Yang Dipertua atau Setiausaha atau mana-mana pegawai
yang dibenarkan oleh Yang Dipertua bolehlah menjual haiwan itu
dan hasil daripadanya digunakan untuk menjelaskan bayaran itu
dan bakiannya dipulangkan kepada pemunya atau penjaga haiwan
itu.

Bertarikh pada 27hb Ogos 1990.

[MPSP/99/1-4/45; PSUK/PP/004.3: 1.13;
PU/PP 1126 Bah. 22.]

NG WEE KOK,

Setiausaha,

Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Pulau Pinang

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

STRAY ANIMAL (MUNICIPAL COUNCIL PROVINCE WELLESLEY) BY-LAWS 1990

In exercise of the powers conferred by section 73 (a) (iii), 73 (v), **Act 171.**
section 73 (m) and section 102 of the Local Government Act 1976,
the Municipal Council (Province Wellesley) hereby makes, and pur-
suant to section 103 of the said Act the State Authority confirms
the following by-laws:

1. These by-laws may be cited as the Stray Animal (Municipal
Council Province Wellesley) By-Laws 1990 and shall apply only
to the area of the Municipal Council Province Wellesley and shall
come into force on the date of its publication in the *Gazette*.

Citation,
application
and com-
mencement.

2. In these by-laws, unless the context otherwise requires—

Interpretation.

“animal” includes horses, cows, oxen, buffaloes, sheep, goats
and pigs;

"Council" means the Municipal Council Province Wellesley;

"officer" means any officer authorised by the President of the Municipal Council Province Wellesley;

"owner" means the person having possession, custody or control of such animal but in any case of doubt concerning the ownership of any animal, the owner or occupier of the premises frequented by such animal or the person who habitually feeds such animal shall be deemed to be the owner thereof until the contrary is proved by such owner, occupier or person;

"President" means the President of the Municipal Council Province Wellesley;

"public place" includes every public highway, street, road, bridge, square, alley, bridle way, footway, wharf, jetty, quay, river, stream, canal, waterway, public garden and land belonging to the State Government, Federal Government or statutory body;

"Secretary" means the Secretary of the Municipal Council Province Wellesley.

Offence.

3. Every person, who is the owner or person in charge of the animal, who allows or causes his or the animal in his charge to stray or be found in any public place shall be guilty of an offence.

Power to seize, detain, shoot and slaughter.

4. (1) Any animal found straying or found in any public place may be seized by the President or Secretary or any officer of the Municipal Council Province Wellesley who is authorised by the President and shall forthwith be taken to the pound of the Council or to a place specified by the President to be impounded.

(2) If the animal is dangerous and cannot be seized it shall be shot and slaughtered or destroyed, and the slaughtered animal or carcass shall be disposed of in such manner as the President or Secretary may determine.

Disposal of animal.

5. Any animal impounded under by-law 4 of these by-laws may be disposed of in such manner as the President or Secretary may determine:

- (a) by reasons of health;
- (b) if the impounding is a burden;
- (c) if the expenses of keeping it is too high; or
- (d) if the owner or person in charge of the animal is unknown;

Provided that the disposal under paragraphs (b), (c) and (d) can only be done after three (3) days from the date the animal is seized.

Power to compound.

6. (1) The President or Secretary or any officer authorised by the President may allow the compound of such offence under the provisions of by-law 4 of these by-laws.

(2) The payment of the compound are as follows—

- (a) in the case of any animal other than goat or sheep, not exceeding two hundred and fifty ringgit per animal and maintenance fee which shall be fixed by the President;
- (b) in the case of goat or sheep not exceeding twenty five ringgit per animal and maintenance fee which shall be fixed by the President.

7. No compensation shall be payable for any loss due to injuries, death or others of the animal seized, impounded, shot, slaughtered or disposed of under any provisions of these by-laws. Compensation.

8. (1) Any person guilty of an offence under by-law 3 of these by-laws shall be liable on conviction to a fine not exceeding two thousand ringgit or a term of imprisonment not exceeding one year or to both such fine and imprisonment. Penalty.

(2) As an addition to the penalty provided in paragraph (1) of this by-law, the Court shall order the person convicted to pay to the Council—

- (a) in the case of any animal other than goat or sheep, twenty five ringgit per animal for each day it is impounded;
- (b) in the case of goat or sheep ten ringgit per animal for each day is impounded.

(3) The payment liable under paragraph (2) of this by-law may be deducted from the proceeds held by the Council or if the animal is still impounded by the Council, the President or Secretary or any officer authorised by the President may sell the animal and the proceeds shall be used to settle the payment and the balance shall be returned to the owner or person in charge of the animal.

Dated this 27th day of August 1990.
[MPSP/99/1-4/45: PSUK/PP/004. 5. 1. 13;
PU/PP 1126 Bah. 22.]

NG WEE KOK,
Clerk of Council,
State Executive Council,
Penang

Pg. P.U. 21.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN, 1976
UNDANG-UNDANG KECIL KAWALAN ANJING
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI 1982

Akta 171.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen-seksyen 73 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan, 1976, Majlis Perbandaran Seberang Perai membuat dan mengikut seksyen 103 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengesahkan undang-undang kecil seperti berikut:

Nama dan pemakaian.

1. Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Kawalan Anjing Majlis Perbandaran Seberang Perai 1982 dan dipakai bagi had Seberang Perai sahaja.

Takrif.

2. Dalam undang-undang kecil ini melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“anjing” ertinya seekor anjing jantan, anjing betina atau anjing betina yang dimandulkan;

“lencana pendaftaran” ertinya lencana logam yang bentuknya diluluskan oleh Majlis untuk tahun pendaftaran semasa dan yang mana mempunyai nombor pendaftaran;

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Seberang Perai;

“Pegawai Haiwan Perbandaran” ertinya pegawai yang pada masa sekarang menjalankan tugas-tugas Pegawai Haiwan Perbandaran dan termasuk mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua;

“penyakit kulit yang nyata” ertinya kurap anjing atau apa juga penyakit kulit yang mudah dicamkan sebagai satu penyakit;

“tuan punya” bagi maksud sebarang anjing ialah seseorang yang mempunyai, menyimpan atau menjaga anjing tersebut dan bagi sebarang kes yang meragui mengenai tuan punya anjing tersebut, tuan punya atau penghuni rumah yang mana anjing sering kelihatan atau seseorang yang seringkali memberi makan anjing tersebut adalah dianggapkan sebagai tuan punya sehinggalah ia dapat membuktikan sebaliknya oleh tuan punya, penghuni atau seseorang;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Bayaran lesen.

3. (1) Tiap-tiap anjing yang disimpan di dalam kawasan Seberang Perai hendaklah dilesenkan oleh Yang Dipertua apabila ianya berumur 3 bulan.

(2) Bayaran lesen sebanyak sepuluh ringgit akan dikenakan terlebih dahulu kepada tuan punya sebelum anjingnya boleh dilesenkan.

(3) Sesiapa yang mempunyai, menyimpan atau menyelenggara anjing yang tidak dilesenkan adalah dianggap melakukan suatu kesalahan di dalam undang-undang kecil ini.

Orang yang dikehendaki membuat bayaran lesen.

4. Bayaran lesen hendaklah dibuat oleh tuan punya atau oleh sesiapa pun bagi pihaknya.

5. Bayaran lesen itu kena dijelaskan terlebih dahulu dalam tempoh tujuh hari pertama dalam bulan Januari. Sekiranya seseekor anjing itu menjadi kepunyaan atau diletakkan di bawah jagaan atau kuasa seseorang itu dalam tahun yang baginya satu bayaran lesen kena dijelaskan, orang itu hendaklah menjelaskan bayaran lesen bagi anjing itu pada tujuh hari pertama anjing itu menjadi kepunyaannya atau diletakkan di bawah jagaan atau kuasanya, kecuali ia boleh membuktikan dengan memuktamad hati Yang Dipertua bahawa bayaran lesen itu telahpun dijelaskan.

Bayaran lesen dibuat secara pendahuluan.

6. Majlis hendaklah memberi satu lencana pendaftaran yang mempunyai nombor siri kepada tiap-tiap orang yang menjelaskan bayaran lesen untuk seseekor anjing itu. Lencana seperti itu tidak boleh bertukar tangan dan hendaklah digunakan hanya untuk anjing yang baginya lencana itu dikeluarkan.

Lencana pendaftaran.

7. Sekiranya lencana pendaftaran itu hilang ataupun tidak boleh digunakan lagi, lencana pendaftaran itu akan digantikan oleh Majlis apabila dijelaskan bayaran lesen yang perlu dibayar.

Gantian lencana pendaftaran.

8. Yang Dipertua boleh enggan mengeluarkan sesuatu lencana pendaftaran sekiranya pada pendapat Pegawai Haiwan Perbandaran anjing itu tidak dipelihara dengan baik ataupun ianya mengidap sesuatu penyakit yang tidak dapat disembuhkan dan sekiranya anjing itu telah pun diberi satu lencana pendaftaran, lencana pendaftaran itu boleh dibatalkan. Pendapat Pegawai Haiwan Perbandaran adalah muktamad dan tidak boleh dicabar.

Keengganan mengeluarkan lencana pendaftaran.

9. (1) Tiap-tiap seekor anjing, sama ada ianya berada di luar atau di dalam rumah di dalam kawasan Majlis hendaklah memakai kolar yang dipasangkan kepadanya lencana pendaftaran.

Lencana pendaftaran hendaklah dipasangkan kepada kolar.

(2) Tiap-tiap seekor anjing hendaklah diberi oleh tuan punya satu kolar kulit atau logam yang sempurna dan tuan punya hendaklah memasang lencana pendaftaran anjing itu di kolar anjing itu.

(3) Mana-mana anjing yang tidak memakai kolar dan lencana pendaftaran yang dijumpai di mana-mana kawasan dalam bidang kuasa Majlis akan disita atau dimusnahkan seperti mana yang diarah oleh Pegawai Haiwan Perbandaran.

10. (1) Tuan punya adalah bertanggungjawab kepada kesihatan anjingnya dan anjing yang mengidap penyakit tidak boleh disimpan dalam premis tuan punya kecuali anjing itu dirawat oleh Pegawai Perkhidmatan Haiwan. Kenel yang didiami oleh anjing itu hendaklah diselenggara dalam setiap masa dalam keadaan bersih dengan pengudaraan yang cukup sehingga memuaskan Pegawai Haiwan Perbandaran.

Kehendak kesihatan.

(2) Tuan punya anjing yang dilesenkan hendaklah mengambil langkah yang sewajarnya untuk membuang najis yang terdapat dalam premis itu dan di dalam kawasan halaman.

11. Mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua boleh mengarahkan tuan punya anjing sama ada dilesenkan atau tidak yang mengidap penyakit atau kecederaan supaya anjing itu dirawat di dalam premis tuan punya atau di tempat yang lain. Bayaran rawatan hendaklah ditanggung oleh tuan punya.

Anjing yang berpenyakit.

12. Mana-mana anjing yang mengidap penyakit kulit yang nyata yang dijumpai di dalam kawasan Majlis boleh ditahan atau dimusnahkan apabila dan di mana ianya dijumpai seperti mana Pegawai Haiwan Perbandaran mungkin fikirkan sesuai.

Anjing itu boleh ditahan atau dimusnahkan.

Premis di mana anjing boleh disimpan.

13. (1) Anjing tidak boleh disimpan di atas daripada tingkat bawah sesuatu bangunan.

(2) Anjing-anjing yang mempunyai lesen dikehendaki memakai lencana apabila diambil keluar daripada kawasan rumah.

(3) Sesiapa pun tidak dibenarkan memelihara lebih daripada satu ekor anjing di dalam rumah pangsa, dua di dalam rumah teres atau rumah link, tiga di dalam rumah berkembar dan tidak melebihi empat di dalam rumah bangalow kecuali diluluskan oleh Yang Dipertua.

(4) Tuan punya anjing hendaklah memastikan bahawa anjing tidak menjadi satu gangguan dengan menyalak berpanjangan atau sebaliknya kepada jiran.

Kuasa masuk.

14. Pegawai Haiwan Perbandaran atau sesiapa yang diberi kuasa secara bertulis bagi tujuan itu oleh Yang Dipertua boleh pada bila-bila masa yang munasabah, masuk dengan bebasnya dan memeriksa mana-mana bahagian bangunan di mana ia mempunyai sebab untuk mempercayai terdapat anjing yang boleh dikenakan bayaran lesen di bawah undang-undang kecil ini.

Denda.

15. Sesiapa yang melanggar mana-mana dari Undang-undang Kecil ini boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit dan jika kesalahan itu terus dilakukan, dikenakan denda tidak lebih daripada lima puluh ringgit untuk tiap-tiap hari kesalahan sedemikian diteruskan setelah disabitkan.

Pemansuhan.

16. Undang-undang Kecil yang berikut adalah dengan ini dimansuhkan:

Pg. G.N.
No. 207/57.

(1) Rural District Council North, Province Wellesley, Control of Dogs By-Laws, 1957;

Pg. G.N.
No. 208/57.

(2) Butterworth Town Council Control of Dogs By-laws, 1957;

Pg. G.N.
No. 336/59.

(3) Rural District Council South, Province Wellesley, Control of Dogs By-laws, 1958;

Pg. G.N.
25/68.

(4) Undang-undang Kecil Mengawal Anjing, Majlis Daerah Tengah, Seberang Perai, 1967.

Bertarikh pada 24hb Jun, 1982.

[PSUK/PP/004.5.1; MPSP/10/1-65/39.]

NG WEB KOK,

Setiausaha,

Majlis Mesyuarat Kerajaan,

Pulau Pinang.

LOCAL GOVERNMENT ACT, 1976

MUNICIPAL COUNCIL OF PROVINCE WELLESLEY

CONTROL OF DOGS BY-LAWS 1982

Act 171.

In exercise of the powers conferred by sections 73 and 102A of the Local Government Act 1976, the Municipal Council of Province Wellesley makes and pursuant to section 103 of the Local Government Act 1976, the State Authority hereby confirms the following by-laws:

Citation and application.

1. These By-Laws may be cited as the Municipal Council of Province Wellesley Control of Dogs By-Laws 1982 and shall apply within the limits of Province Wellesley.

Definitions.

2. In these By-laws unless the context otherwise requires:

✓ "Council" means the Municipal Council of Province Wellesley;
"dog" means a dog, bitch or unsexed bitch;

"Municipal Veterinary Officer" means the officer for the time being performing the duties of Municipal Veterinary Officer and includes any officer authorised in writing by the President;

"obvious skin disease" means mange or any disease of the skin which is easily recognisable as a disease;

"owner" in relation to any dog means the person having possession, custody or control of such dog provided that in any case of doubt concerning the ownership of any dog, the owner or occupier of the premises frequented by such dog or the person who habitually feeds such dog shall be deemed to be the owner thereof until the contrary is proved by such owner, occupier or person;

"President" means the President, Municipal Council of Province Wellesley;

"registration badge" means the metal badge of the pattern approved by the Council for the current registration year bearing the registration number.

3. (1) Any dog kept within the limits of Province Wellesley shall be licensed by the President on reaching the age of 3 months. Licence fee.

(2) A fee of ten ringgit shall be payable in advance by the owner before his dog may be licensed.

(3) Any person owning, keeping, harbouring or maintaining a dog not so licensed shall be deemed to have committed a breach of this By-law.

4. The licence fee shall be payable by the owner or any person on his behalf. Person able to pay licence fee.

5. Such licence fee shall be payable in advance within the first seven days of January. If any dog comes into the possession, custody or control of any person during the year in respect of which the licence fee is payable, such person shall, within the first seven days on which the dog comes into his possession, custody or control, be liable to pay the licence fee in respect thereof, unless he can show to the satisfaction of the President that such licence fee has already been paid. Licence fee payable in advance.

6. The Council shall furnish to each person paying the licence fee for a dog a serially numbered registration badge. Such badge shall not be transferable and shall be used only for the dog in respect of which it is issued. Registration badge.

7. If the registration badge is lost or rendered unserviceable such registration badge may be replaced by the Council on payment of the licence fees payable. Replacement of registration badge.

8. The President may refuse to issue a licence badge if in the opinion of the Municipal Veterinary Officer the dog is not properly cared for or is suffering from any incurable disease and, if such dog has already been issued with a registration badge, the registration badge may be cancelled. The opinion of the Municipal Veterinary Officer is conclusive and shall not be challenged. Refusal to issue registration badge.

9. (1) Every dog shall, whether out of doors or indoors within the Council area, wear a collar having attached thereto the registration badge. Registration badge to be attached to collar.

(2) Every dog shall be provided by its owner with a proper leather or metal collar to which the owner shall affix the registration badge issued in respect of such dog.

(3) Any dog not wearing a collar and a registration badge found anywhere within the jurisdiction of Council may be seized or destroyed as the Municipal Veterinary Officer may direct.

- Health requirements.** 10. (1) The owner shall be responsible for the health of his dog and no diseased dog shall be allowed to be kept on the premises of the owner, unless the dog is being treated by a Veterinary Officer. The kennel in which the dog is housed shall be maintained at all times in a clean and sanitary condition with sufficient ventilation to the satisfaction of the Municipal Veterinary Officer.
- (2) The owner of a licensed dog shall take appropriate measures for the proper disposal of faecal matter defected in the premises and within the compound.
- Diseased dogs.** 11. Any officer authorised by the President may order the owner of any dog whether licensed or not, suffering from any disease or injury to have the dog treated at the premises of the owner or elsewhere. The expense of such treatment shall be borne by the owner.
- Dog may be impounded or destroyed.** 12. Any dog suffering from an obvious disease found within the Council area may be impounded and dealt with or may be destroyed when and where found as the Municipal Veterinary Officer may think fit.
- Premises where dog may be kept.** 13. (1) No dog shall be kept above the ground floor of any building.
- (2) Dogs even if licensed shall be on a leash when taken out of doors.
- (3) No person shall be allowed to keep more than a dog in a flat, two in a terrace or link house, three in a semi-detached house and not exceeding four in a bungalow house unless approved by the President.
- (4) Owner of dogs shall ensure that dogs are not a nuisance by way of incessant barking or otherwise to the neighbours.
- Power of entry.** 14. The Municipal Veterinary Officer or any person authorised in writing in that behalf by the President may at all reasonable times have free access to enter and inspect any part of any premises wherein he has reason to believe that there is a dog in respect of whom the fee is payable under these By-laws.
- Penalty.** 15. Any person committing a breach of any of these By-laws shall be liable to a fine not exceeding five hundred ringgit and in the case of a continuing offence a sum not exceeding fifty ringgit for each day during which such offence is continued after conviction.
- Repeal.** 16. The following By-laws are hereby repealed:
- Pg. G.N. No. 207/57. (1) Rural District Council North, Province Wellesley, Control of Dogs By-laws, 1957;
- Pg. G.N. No. 208/57. (2) Butterworth Town Council Control of Dogs By-laws, 1957;
- Pg. G.N. No. 336/59. (3) Rural District Council South, Province Wellesley, Control of Dogs By-laws, 1958;
- Pg. G.N. 25/68. (4) District Council Central, Province Wellesley, Control of Dogs By-laws, 1967.

Dated 24th June, 1982.
[PSUK/PP/004.5:1; MPSP/10/1-65/39.]

NG WEB KOK,
Clerk of Council,
State Executive Council,
Penang